

04/03/1998

IKS digesa kuasai teknologi robotik

Hizral Tazzif Hisham; Faizal Fazil

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan semua pihak yang terbabit dalam bidang industri memanfaatkan kemudahan robot yang ada di Taman Teknologi Malaysia (TTM) untuk tujuan penyelidikan dan latihan di samping mempertingkatkan perkhidmatan automasi di kilang.

Dr Mahathir berkata, perkhidmatan robot yang ada di Pusat Penyelidikan, Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Ter maju Malaysia itu boleh digunakan untuk melatih jurutera dan juruteknik tempatan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengeluaran komponen yang mana kualitinya dapat dipertingkatkan.

"Syarikat tempatan terutama dalam kategori Industri Kecil Sederhana (IKS) perlu menguasai teknologi robotik yang diperkenalkan itu dengan cepat dan mula mengeluarkan komponen tempatan berbanding sekarang yang mana kita mengimport komponen dan memasangnya di negara ini," katanya di Bukit Jalil, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya merasmikan MasterCentre, yang dilengkapi dengan pelbagai teknologi robotik terkini, termasuk Makmal Sistem Pengeluaran Fleksibel (FMS) dan Jabatan Pengeluaran Prototaip (JPP).

JPP mempunyai mesin pemotong laser karbon dwioksida untuk kemudahan melakukan pembuatan acuan dan komponen mengikut kehahuan pelanggan yang mana tugas pertama ialah pembuatan gasket untuk saluran paip milik Petronas.

Bagi Makmal FMS dan Robotik, ia mempunyai 17 jenis robot pelbagai guna dan tujuh robot tambahan di samping kemudahan canggih untuk keperluan sektor pengilangan negara.

PM turut menyaksikan majlis persefahaman antara Teknos Sdn Bhd dan Scipher Ltd untuk mengeluarkan dan memasarkan sistem komunikasi pengangkutan videonet dan kios Internet keluaran Netcard Corporation.

Menurutnya, pengeluaran pelbagai komponen syarikat tempatan perlu dilakukan dengan jumlah yang besar dan mengikuti standard antarabangsa serta tidak terlalu tertumpu kepada keperluan tempatan sebaliknya perlu berani untuk menerokai pasaran eksport.

Beliau berkata, ketika ini Malaysia menduduki tangga ke-16 di dunia bagi eksport pengeluaran dengan perolehan AS\$78.2 bilion yang mana langkah agresif perlu dilakukan untuk memperbaiki pencapaian sedia ada.

"Malaysia sedang membangunkan sektor pendidikannya dengan pesat supaya dapat menambah bilangan penuntut di universiti, terutama dalam bidang sains dan teknologi serta kemahiran," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan langkah yang dilakukan Taman Teknologi Malaysia (TTM) untuk membantu industri tempatan sebagai bertepatan dengan keperluan negara dan menyeru sektor pengilangan bekerjasama dengan TTM untuk mewujudkan faedah bersama.

Katanya, kerjasama itu membolehkan Malaysia muncul sebagai pusat pengeluaran pintar dengan kepakaran khas, tenaga kerja terlatih dan penekanan terhadap teknologi tinggi.

"Malaysia juga dapat mengurangkan beban mengimport pelbagai barangan, termasuk mengimport komponen yang boleh dihasilkan di dalam negara menggunakan teknologi yang ada," katanya.

Malaysia juga perlu melakukan inovasi untuk mencipta produk berasaskan teknologi yang dibangunkan oleh rakyat negara ini untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Rakyat negara ini perlu berani mencipta produk dan kaedah pengeluaran yang belum dilakukan di tempat lain serta menyokong produk keluaran tempatan," katanya.

(END)